

# Industri automotif negara perlu seiring perubahan

Kerajaan mahu bangunkan kenderaan berasas teknologi hibrid: PM

Oleh Irwan Shafrizan Ismail dan Hazwan Faisal Mohamad  
bhnews@bh.com.my

**Sepang:** Projek kereta nasional ketiga dimulakan kerana tidak mahu Malaysia ketinggalan memandangkan industri automotif adalah tidak statik, sentiasa berubah dan berkembang, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, niat kerajaan ketika memperkenalkan projek kereta nasional adalah untuk merangsang industri kejuruteraan dan ini berjaya dicapai.

Beliau berkata, menyedari industri automotif sedang berubah daripada teknologi enjin berasaskan minyak kepada hibrid dan seterusnya elektrik, Malaysia juga perlu melaksanakan perubahan berkenaan.

"Jadi, jika kita mahu mempunyai kereta nasional ketiga, ia perlu dibangunkan sekurang-kurangnya berasaskan kepada teknologi hibrid.

"Ia seharusnya dipacu dengan penggunaan bateri dan perlu mempunyai enjin supaya boleh mengecap semula bateri dan akan mampu bergerak sehingga 1,000



Dr Mahathir menerima cenderahati daripada Zainun disaksikan Anthony Loke, Amirudin dan Raja Azmi (kanan) pada Majlis Ulang Tahun Ke-21 KLIA, di Sepang, semalam. (Foto Aizuddin saad /BH)

batu (1,600 kilometer) perjalanan, jadi kita sedang ke arah itu," katanya demikian pada sidang media selepas majlis sambutan Ulang Tahun Ke-21 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke; Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari; Pengerusi Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB), Tan Sri Dr Zainun Ali; dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MAHB, Raja Azmi

**"Jika kita mahu mempunyai kereta nasional ketiga, ia perlu dibangunkan sekurang-kurangnya berasaskan kepada teknologi hibrid."**

Dr Mahathir Mohamad,  
Perdana Menteri

Raja Nazuddin.

Mengenai dakwaan pembangkang bahawa kerajaan mungkir janji untuk tidak mengeluarkan dana dalam membangunkan kereta nasional ketiga apabila DreamEDGE, syarikat yang terpilih membangunkan kereta nasional itu, turut dimiliki agensi kerajaan, Dr Mahathir berkata, terdapat sesetengah agensi kerajaan yang mahu terbabit dan mempunyai kepentingan di dalamnya.

"Saya syak memandangkan

DreamEDGE melakukan banyak perkara dan dilihat berupaya, maka terdapat beberapa jabatan kerajaan yang mahu mempunyai kepentingan di dalamnya.

"Bukan saya yang meluluskannya, tetapi ia berlaku," katanya.

Saham dalam DreamEDGE turut dimiliki VentureTECH, yang 100 peratus milik Kumpulan Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi (MIGHT), agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Mengenai sambutan Ulang Tahun ke-21 KLIA, Dr Mahathir berbangga dengan lapangan terbang itu seperti mana perasaan yang dialaminya pada 1998 semasa merasmikan pembukaan KLIA.

"Saya berasa bangga ketika itu kerana ia adalah realisasi sebuah impian dan janji. Saya berasa bangga hari ini kerana ia kini suatu realiti," katanya.

Beliau mengimbau kembali kenangan indah tentang KLIA yang kini berkembang menjadi lapangan terbang serba canggih daripada asalnya sebuah ladang kelapa sawit di atas tanah gambut.

"Sememangnya mengagumkan untuk menyaksikan ladang kelapa sawit bertukar wajah menjadi sebuah lapangan terbang yang begitu indah dan berupaya menjadi sebuah ikon. Ia adalah suatu keajaiban seni bina," katanya.

Dr Mahathir turut merakamkan penghargaan beliau kepada mendiang Kisho Kurokawa, arkitek tersohor Jepun yang bertanggungjawab ke atas konsep 'Lapangan Terbang di Dalam Hutan, Hutan di Dalam Lapangan Terbang' KLIA.